



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL NEGARA (MTVET) BIL. 3/2023 & MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN MEMORANDUM KERJASAMA TRANSFORMASI PROGRAM TVET ANTARA KERAJAAN BERSAMA SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) DAN SYARIKAT SWASTA

1. Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) Bil. 3/2023 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah diadakan pada 5 Oktober 2023 dan turut dihadiri oleh ahli MTVET melibatkan barisan Menteri daripada 12 buah Kementerian berkaitan TVET, tokoh industri, dan tokoh akademia.
2. Mesyuarat telah membincangkan empat (4) kertas makluman berkaitan inisiatif pemerkasaan TVET secara berterusan iaitu:
 - i. Permohonan Program TVET Secara *Single Window* – UPTVET oleh Kementerian Sumber Manusia;
 - ii. Pengoperasian Badan Koordinasi TVET Kerajaan Industri (GITC) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi;
 - iii. Pelaksanaan Program Asasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (ASASI TVET) di Politeknik Malaysia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi; dan
 - iv. Program Akademi Dalam Industri (Ail) Untuk Melonjakkan Produktiviti oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
3. Mesyuarat menekankan keperluan rasionalisasi program TVET secara spesifik di setiap Kementerian berkaitan TVET dalam mendokong hasrat Kerajaan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (*high-growth high value*). Standard dan kurikulum program TVET dinilai dan ditambah baik secara

berterusan untuk memastikan graduan TVET kekal relevan seiring dengan permintaan semasa dan masa hadapan sejajar dengan manifestasi Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

4. Selain itu, peningkatan kompetensi tenaga pengajar TVET turut diberi fokus oleh Kerajaan bagi memastikan penyampaian program TVET yang lebih efektif. Seperti digariskan dalam Kajian Separuh Penggal RMKE-12, tenaga pengajar TVET yang menjadi nadi utama penyampaian latihan akan diberi ruang mencukupi untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang seiring dengan perkembangan teknologi baharu muncul.
5. Dalam usaha menarik minat lebih ramai rakyat Malaysia menyertai program TVET, mesyuarat turut membincangkan pelaksanaan program TVET yang lebih fleksibel. Mekanisme latihan seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Academy in Industry (Aii), dan program-program modular dicadang untuk diperluas pelaksanaannya bagi memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran dan sejajar dengan aspirasi pembelajaran sepanjang hayat.
6. YAB Timbalan Perdana Menteri turut telah menyaksikan pertukaran Memorandum Kerjasama Transformasi Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Antara Kerajaan Dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Swasta. Sebanyak 17 buah syarikat terlibat dalam pertukaran Memorandum Kerjasama yang menjadi platform kerjasama merentasi semua Institusi Latihan Kemahiran Awam di bawah 12 buah Kementerian dengan pihak GLC dan syarikat swasta berdasarkan kesesuaian bidang dan skop yang dipersetujui secara bersama.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
5 OKTOBER 2023**